



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

*FLAG-OFF MISI BANTUAN BENCANA BANJIR MAJLIS
BANDARAYA SEBERANG PERAI (MBSP) KE JOHOR
DARUL TAKZIM*

TARIKH / MASA / TEMPAT

**10 MAC 2023 (JUMAAT)
8.45 PAGI**

**TAPAK PERHIMPUNAN KORPORAT
MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang BerusahaTuan Haji Baderul Amin bin Abdul Hamid
Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaray Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita dapat bersama-sama berkumpul pada pagi yang berbahagia ini di **Majlis Flag-Off Misi Bantuan Bencana Banjir Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) ke Johor Darul Takzim (Majlis Daerah Yong Peng)**.
2. "Wira Oren" MBSP terdiri daripada Pekerja-Pekerja Am yang ditugaskan untuk melaksanakan kerja-kerja 3D (*Difficult, Dirty and Dangerous*), iaitu kerja-kerja pembersihan yang penuh cabaran seperti pokok tumbang, longkang dan parit air tersumbat, bencana banjir dan sebagainya.
3. Dalam sebarang keadaan kritikal seperti bencana banjir yang berlaku pada tahun 2017 di Pulau Pinang, Wira Oren ini adalah barisan pertama yang tiba ke lokasi banjir untuk memberikan bantuan pantas bagi mengurangkan kesan kerosakan harta awam dan infrastruktur awam. Selain itu, mereka juga melaksanakan kerja-kerja bagi pembersihan pasca banjir dan membantu mangsa banjir. Begitu juga

dengan kerja-kerja pemangkasan dan pembersihan pokok tumbang dan membuka laluan yang terhalang supaya tindakan bantuan dan kecemasan dapat berjalan dengan lancar.

4. Berdasarkan pengalaman ini, MBSP telah bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan bencana dan dapat menjalankan koordinasi dengan sempurna bersama komuniti, NGO dan agensi-agensi kerajaan atau swasta dan telah turut mengembling tenaga serta menghulurkan dan menggerakkan Misi Bantuan Banjir di Negeri Selangor, Pahang dan Baling sebagai tanda setia kawan dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri-negeri tersebut yang berdepan cabaran besar ketika itu. Kerja-kerja utama yang dilaksanakan adalah mengalihkan pokok-pokok yang tumbang, mencuci rumah, selut dan mengalihkan perabot yang telah rosak.
5. Keadaan banjir di Johor bertambah buruk dan keadaan banjir yang melanda negeri ini disifatkan antara terburuk pernah dihadapinya dalam tempoh beberapa tahun ini berikutan menyebabkan semua 10 daerah di Johor terjejas bencana itu. Keadaan hujan lebat berterusan berserta fenomena air pasang menyebabkan keadaan banjir semakin buruk dan menjaskan ramai penduduk.

6. Pada 04 Mac 2023 (Sabtu) yang baru lepas, sebanyak dua (2) buah *tailift* MBSP dan barang-barang bantuan telahpun dihantar bersama-sama dengan Angkatan Awam Malaysia Pulau Pinang ke Daerah Muar.
7. Hari ini, MBSP akan *flag-off* satu misi bantuan untuk membantu Majlis Daerah Yong Peng di Negeri Johor. Skuad bantuan MBSP terdiri dari 21 kakitangan daripada Jabatan Pengurusan Krisis, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan Jabatan Landskap) dan satu pegawai.
8. Aset-aset yang turut dihantar adalah sebuah *Firetruck* (4x4), sebuah *Grabber Crane*, sebuah *Tailift Truck*, 2 Ro Ro Truck, sebuah van dan sebuah kenderaan pacuan empat roda. MBSP juga turut membawa *chainsaw* dan *waterjet*.
9. Misi kali ini bermula pada hari ini (10.03.2023) sehingga 19 Mac 2023 (Sabtu).
10. Saya amat berkeyakinan, MBSP mempunyai satu pasukan yang hebat dengan semangat kental dan hati yang cekal yang telah terbukti semasa berlakunya bencana banjir di Pulau Pinang dan luar negeri, di

mana kita telah berjaya menunjukkan semangat kental kita secara satu pasukan.

Akhir kata, dengan tulus ikhlas saya merakamkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh dan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pulau Pinang kerana membekalkan 20 unit toto untuk digunakan oleh Wira-Wira Oren MBSP sepanjang berada di sana.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***